

**PROGRAM GEMPUR KECEMERLANGAN SPM  
NEGERI PERLIS**

**ANJURAN BERSAMA  
MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA  
NEGERI PERLIS  
DAN  
MAJLIS GURU CEMERLANG NEGERI PERLIS**

**GEMPUR KECEMERLANGAN TAHUN 2025**

**1249/1**

**TINGKATAN 5**

**SEJARAH**

**KERTAS 1**

**Julai**

**1 jam**

**Satu jam**

---

**JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAANINI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. Kertas soalan ini mengandungi **40** soalan.
2. Jawab **semua** soalan.
3. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan iaitu A,B,C dan D. Pilih satu jawapan yang terbaik bagi setiap soalan dan hitamkan ruangan yang sepadan pada kertas jawapan objektif anda.

---

Kertas soalan ini mengandungi **10** halaman bercetak

*[Lihat halaman sebelah*

Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan yang berhuruf A, B, C dan D.  
Pilih satu jawapan terbaik bagi tiap-tiap soalan dan hitamkan ruangan yang sepadan pada kertas jawapan objektif anda.



- 1 Apakah ciri negara bangsa kerajaan Alam Melayu?
  - A Kerajaan
  - B Kedaulatan
  - C Wilayah pengaruh
  - D Lambang kebesaran
- 2 Bagaimanakah rakyat Melaka menunaikan tanggungjawab kepada pemerintah dalam Kesultanan Melayu Melaka?
  - A Menggubal undang-undang
  - B Menjaga perbendaharaan
  - C Menghadiri gotong-royong
  - D Mengetuai pentadbiran
- 3 Maklumat berikut berkaitan dengan revolusi yang berlaku di Barat pada abad ke-18.

Tahun	Peristiwa
1789	Revolusi Perancis

Apakah kesan revolusi tersebut?

- A Kemunculan sistem republik
- B Kehilangan kuasa parlimen
- C Kemerdekaan wilayah kecil
- D Kekuasaan golongan elit

- 4 Novel berikut merupakan hasil penulisan kreatif Pak Sako atau Ishak Haji Muhammad.



Manakah yang berkaitan dengan novel tersebut?

- I Menuntut peluang pekerjaan
  - II Memperjuang pendidikan wanita
  - III Menekankan nikmat kebebasan
  - IV Menyindir tindakan penjajah
- A I dan II  
B I dan IV  
C II dan III  
D III dan IV
- 5 Mengapakah Jepun datang ke negara kita semasa Perang Dunia Kedua?  
A Keinginan memajukan penduduk  
B Kedudukan strategik ketenteraan  
C Kekurangan bekalan makanan  
D Kelemahan pemerintahan Barat
- 6 Apakah peranan pasukan Giyu Tai ketika pendudukan Jepun di Tanah Melayu?  
A Mengumpul maklumat risikan  
B Membuat serangan gerila  
C Menjaga pesisiran pantai  
D Membantu tentera sukarela
- 7 Bagaimakah Raja-raja Melayu menentang Malayan Union?  
A Membawa kes ke Mahkamah Tinggi  
B Menghantar surat bantahan ke PBB  
C Meletak jawatan beramai-ramai  
D Menulis kritikan dalam akhbar

[Lihat halaman sebelah]

SULIT

8 Mengapakah penduduk tempatan menyokong penyerahan Sarawak kepada British?

- I Memastikan keselamatan penduduk
  - II Memberikan peluang pekerjaan
  - III Memajukan penduduk tempatan
  - IV Menyelesaikan masalah kewangan
- A I dan II  
B I dan IV  
C II dan III  
D III dan IV
- 9 British menubuhkan Jawatankuasa Kerja 1946.  
Mengapakah British berbuat demikian?
- A Menyemak draf perlembagaan negara  
B Mengkaji sistem pendidikan kebangsaan  
C Membuat persiapan kemerdekaan negara  
D Membincangkan asas Perjanjian PTM 1948

10 Apakah tindakan yang dilakukan semasa penganjuran harta pada 20 September 1947?

- A Membuat demonstrasi  
B Meletak jawatan  
C Melilit kain putih  
D Menutup kedai

11 Gambar berikut menunjukkan anggota Special Constables sedang memeriksa kad pengenalan masyarakat tempatan.



Mengapakah kerajaan memperkenalkan sistem pendaftaran kebangsaan?

- A Menekan penjajah  
B Menyemai perpaduan  
C Mengawal pergerakan  
D Menjaga keselamatan

12 Apakah kesan pengisytiharan darurat terhadap negara kita?

- I Peningkatan kos perbelanjaan
- II Perhubungan kaum renggang
- III Pertambahan jumlah penduduk
- IV Pengasingan kuasa politik

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

13 Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum (JHAK) menujuhan sebuah agensi bagi meningkatkan ekonomi orang Melayu.

Apakah agensi tersebut?

- A MADA
- B RIDA
- C FELDA
- D RISDA

14 Apakah cadangan Jawatankuasa Pelajaran 1956 ke arah pembentukan sistem pendidikan negara kita?

- A Pendidikan sekolah Cina berorientasikan Tanah Melayu
- B Penggunaan Bahasa Melayu di Sekolah Rendah Umum
- C Peperiksaan di sekolah menengah dalam Bahasa Inggeris
- D Penyeragaman sukan pelajaran dan peperiksaan

15 Berapakah tempoh kempen Pilihan Raya Umum 1955?

- A 45 hari
- B 40 hari
- C 35 hari
- D 30 hari

16 Bagaimakah kuasa Pesuruhjaya Tinggi dikurangkan selepas pembentukan kabinet pertama?

- A Pembatalan kuasa veto
- B Pengenalan jawatan baru
- C Penyerahan surat bantahan
- D Peguatuasaan akta parlimen

17 Apakah kepentingan rundingan yang disepakati di London pada tahun 1956?

- A Tuntutan kewangan
- B Bantuan pertahanan
- C Pakatan ekonomi
- D Lantikan menteri

[Lihat halaman sebelah

SULIT

18 Pilihan manakah berkaitan dengan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957?

- I Pegawai British sebagai penasihat raja
  - II Agama Islam sebagai agama Persekutuan
  - III Kedudukan istimewa orang Melayu terjamin
  - IV Majlis Perundangan Negeri hilang kuasa
- 
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

19 Jawatankuasa berikut ditubuhkan pada tahun 1957.

- Jawatankuasa Persediaan Fizikal
- Jawatankuasa Sambutan


Apakah peranan jawatankuasa tersebut?

- A Pelantikan ketua negara
  - B Pengamalan sistem demokrasi
  - C Pelaksanaan pilihan raya negara
  - D Persediaan kemerdekaan negara
- 
- 20 Mengapakah kerajaan menubuhkan Kementerian Luar Bandar selepas negara mencapai kemerdekaan?
- A Menjayakan program pembangunan
  - B Membangunkan infrastruktur pedalaman
  - C Menempatkan semula masyarakat
  - D Menggalakkan kemasukan pelabur

21 Apakah maksud kedaulatan?

- A Kekuasaan tertinggi
- B Kemerdekaan negara
- C Kehebatan penduduk
- D Kekebalan pemerintah

22 Rajah berikut berkaitan dengan ciri negara yang berdaulat.



Apakah X?

- A Ekonomi
- B Naungan
- C Sempadan
- D Kabinet

23 Mengapakah British memperkenalkan *Charter of Justice* di Negeri-negeri Selat?

- A Menentang penyebaran agama
- B Mengawal gerakan nasionalisme
- C Membendung keganasan komunis
- D Mengelakkan penindasan penduduk

24 Apakah kepentingan pindaan Perlembagaan Persekutuan 1965?

- A Pembentukan Malaysia
- B Pemisahan Singapura
- C Pemansuhan Mahkamah Atasan
- D Pelantikan Yang di-Pertua Negeri

25 Siapakah Ketua Utama Negara bagi Persekutuan?

- A Sultan
- B Perdana Menteri
- C Yamtuan Besar
- D Yang di-Pertuan Agong

26 Apakah kesan mekanisme semak dan imbang yang diwujudkan dalam pentadbiran di negara kita?

- A Meredakan konflik politik
- B Mengelakkan hak rakyat
- C Meluluskan dasar kerajaan
- D Mengelakkan pengaruh asing

[Lihat halaman sebelah  
SULIT]

- 27 Malaysia adalah sebuah negara Persekutuan.  
Apakah maksud Persekutuan?
- A Pentadbiran secara berpusat  
B Pelaksanaan sistem demokrasi  
C Pembentukan jemaah menteri  
D Penyatuan beberapa negeri
- 28 Bagaimanakah kerjasama diwujudkan antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri?
- A Pengurusan Taman Negara  
B Penyediaan perumahan rakyat  
C Penubuhan agensi keselamatan  
D Pembangunan koridor wilayah
- 29 Mengapakah British mencadangkan penggabungan tanah jajahan di Asia Tenggara pada tahun 1951?
- A Melicinkan pentadbiran  
B Mengukuhkan kedudukan  
C Menjayakan dekolonialisasi  
D Meningkatkan ekonomi
- 30 Pernyataan berikut berkaitan laporan pembentukan Malaysia.
- Menyatakan dua pertiga penduduk menyokong pembentukan Malaysia.
- Antara berikut yang manakah berkaitan dengan laporan tersebut?
- A Suruhanjaya Cobbold  
B Suruhanjaya Reid  
C Jawatankuasa Antara Kerajaan  
D Jawatankuasa Setia Kawan Malaysia
- 31 Apakah sistem perhubungan dan pengangkutan utama bagi Sarawak dan Sabah sebelum mencapai kemerdekaan?
- A Jalan Raya  
B Keretapi  
C Sungai  
D Udara
- 32 Mengapakah rusuhan kaum berlaku di Singapura pada 21 Julai 1964?
- A Menuntut hak sama rata  
B Menentang-raja berkuasa mutlak  
C Membela nasib anggota komunis  
D Menentang kenaikan kadar cukai

33 Antara berikut yang manakah berkaitan integrasi nasional?

- A Mengekalkan perpaduan etnik
- B Merapatkan hubungan negeri
- C Mewujudkan persaingan ekonomi
- D Mengukuhkan pentadbiran pusat

34 Dialog berikut berlaku semasa kejohanan badminton Piala Thomas.

Hasan : *Saya bangga dengan slogan "Malaysia Boleh".*

Pijan : *Slogan ini dapat membantu atlet kita mencapai kemenangan.*

Apakah nilai yang diperoleh daripada slogan tersebut?

- A Bertolak ansur
- B Berbudi bahasa
- C Bersemangat kental
- D Berpandangan jauh

35 Antara strategi Dasar Ekonomi Baru (DEB) ialah membasmi kemiskinan. Bagaimanakah strategi tersebut dilaksanakan?

- I Menarik kemasukan pelabur asing
- II Meningkatkan pengeluaran negara
- III Menambah pendapatan rakyat
- IV Memperbanyak peluang pekerjaan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

36 Apakah kejayaan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan Dasar Pembangunan Nasional (DPN) ?

- A Melicinkan sistem pentadbiran
- B Menurunkan kadar kemiskinan
- C Memajukan kegiatan perdagangan
- D Meningkatkan pengeluaran negara

37 Prinsip berikut berkaitan pendirian Malaysia dalam soal antarabangsa.

Hidup bersama secara aman

Apakah bukti yang menunjukkan Malaysia berpendirian tersebut?

- A Meneroka Benua Antartika
- B Mendukung Piagam PBB
- C Menyertai misi antarabangsa
- D Menganggotai pasukan tentera

[Lihat halaman sebelah

SULIT

38 Bagaimanakah pelibatan Malaysia sebagai sebuah negara anggota Komanwel?

- I Menghantar pegawai pemerhati
- II Menganggotai Majlis Keselamatan
- III Menyertai Rancangan Colombo
- IV Menentang dasar Aparteid

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

39 Antara berikut yang manakah isu global yang dihadapi oleh Malaysia?

- A Pertindihan sempadan
- B Kebuluran makanan
- C Pendatang asing
- D Kebakaran hutan

40 Berikut merupakan persidangan alam sekitar yang disertai oleh Malaysia.

Protokol Kyoto 1997

Apakah yang dipersetujui dalam persidangan tersebut?

- A Pengurusan aktiviti manusia
- B Pengawalan alam sekitar
- C Penerokaan tanah baharu
- D Penggunaan tenaga solar

KERTAS SOALAN TAMAT